

# Ikan loma makin berkurangan

Sungai Rui didakwa tercemar dengan sisa perlombongan bijih hingga sumber ikan berkurangan

Oleh Muhammad Zulsyamini Sufian Suri  
am@hmetro.com.my

Gerik

Sungai Rui yang juga cabang hulu Sungai Perak antara sumber penting buat penduduk di sini, khususnya Kampung Bandariang yang masih bergantung kepadanya untuk sumber ikan loma.

Istimewanya sungai itu apabila ia dikatakan satu-satunya laluan ikan loma untuk melepaskan telur di hulu sungai terutama pada Ogos hingga November setiap tahun, sekali gus dimanfaatkan penduduk untuk penganjuran festival menyauk ikan loma selain makan sendiri dan dijual.

Bagaimanapun, acara tahunan sejak 2016 itu berubah suram sejak dua tahun lalu apabila Sungai Rui didakwa tercemar dengan sisa aktiviti perlombongan yang turut mengakibatkan pengurangan drastik ikan loma.

Bahkan, Pesta Loma 2022 yang diadakan 25 September tahun lalu sekadar menobatkan pemenang yang memperoleh ikan loma de-

ngan berat 100 gram (gm) berbanding sebelum ini antara 150gm hingga 200gm.

Penduduk turut berkongsi hantaran di Facebook mengenai sungai itu yang didakwa tercemar dengan air lombong bijih berhampiran hingga mengakibatkan ikan mati, baru-baru ini.

Pengurangan jumlah ikan sungai itu turut dimaklum Jabatan Perikanan Negeri Perak menerusi notis pada papan tanda di Dataran Loma yang melarang kegiatan menangkap ikan menjelang musim pelepasan telur.

Menurut penduduk Kampung Bandariang, Melur Ishak, 62, dia sudah mula

mengesan pengurangan ikan loma sejak tiga tahun lalu berdasarkan hasil tangkapan ikan berkenaan yang dijadikan sumber makanan dan jualan termasuk dibuat ikan pekasam.

"Kalau dahulu saya mampu mengaut lebih 100 kilogram (kg) ikan loma sebelum ini namun kini nak peroleh satu kg sehari pun agak sukar. Dahulu, sauk bagaimana sekali pun atau di mana-mana sepanjang sungai, tetap akan ada hasil, tetapi sekarang tidak lagi," katanya yang lebih 20 tahun menyauk ikan loma di Sungai Rui.

Melur berkata, dia dimak-



KEADAAN air Sungai Rui yang berkeladak didakwa tercemar hingga mengakibatkan hidupan sungai terutama ikan mati.



NOTIS musim tertutup atau larangan menangkap ikan loma yang dikeluarkan pada minggu kedua dan ketiga September tahun lalu dipasang oleh Jabatan Perikanan Negeri Perak.

lumkan yang 'kekotoran' pada sungai itu akibat aktiviti perlombongan bijih di kawasan hulu dan keadaan lebih buruk apabila hujan lebat.

Perkara sama turut diakui penduduk mahu dikenali Karman, 60-an, yang memberitahu bangkai ikan lebih banyak timbul dan hanyut sewaktu air sungai berlampur selepas hujan lebat.

"Kalau dahulu, ikan loma di sini dianggap ikan yang 'tiada harga' kerana terlalu mudah untuk diperoleh namun sekarang keadaan berbeza memandangkan ia kurang dan agak sukar ditang-

kap," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Anak-Anak Gerik di Perantauan, Tajuddin M Ali berkata, selain kematian ikan loma, saiz spesies itu yang agak kecil menjadi bualan penduduk kerana perubahan dipercayai selepas berlakunya pencemaran.

Katanya, difahamkan, pencemaran itu ada kaitan dengan aktiviti perlombongan aktif berhampiran sungai sepanjang kira-kira 20 kilometer, malah mendakwa enam syarikat mengusahakan lombong berkenaan.

"Terdapat visual tular me-

ngenai banyak ikan mati tercapung di Sungai Rui dan bagi kami orang Gerik, mustahil perkara itu berlaku secara kebetulan...ikan takkan tiba-tiba mati, mesti ada sebabnya," katanya.

Beliau kluatir sekiranya tiada tindakan diambil dan pencemaran berterusan, akan menyebabkan hidupan Sungai Rui diancam kepupusan terutama ikan loma yang sinonim di situ.

**Ikuti penjelasan pihak berkuasa berhubung isu ini dalam terbitan Harian Metro esok.**



*Kalau dahulu saya mampu mengaut lebih 100 kilogram (kg) ikan loma sebelum ini namun kini nak peroleh satu kg sehari pun agak sukar. Dahulu, sauk bagaimana sekali pun atau di mana-mana sepanjang sungai, tetap akan ada hasil, tetapi sekarang tidak lagi"*

Melur Ishak



MELUR melakukan aktiviti menyauk ikan loma di Sungai Rui, Gerik. - Gambar NST/MUHAMMAD ZULSYAMINI SUFIAN SURI

2023.02.15 16:51